

02/03/2000

Umno Melaka calonkan Dr M, Pak Lah

MELAKA, Rabu - Semua lima bahagian Umno di Melaka akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi Timbalan Presiden.

Bahagian berkenaan akan mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing antara 5 dan 19 Mac ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata pencalonan Dr Mahathir serta Abdullah bagi jawatan berkenaan sudah diputuskan pada mesyuarat Umno negeri lalu.

Katanya, pencalonan kedua-dua pemimpin itu juga dipersetujui pada mesyuarat jawatankuasa bahagian di negeri ini.

"Pencalonan bagi jawatan Naib Presiden serta ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno diserahkan kepada perwakilan setiap bahagian," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Exco di Seri Negeri, Ayer Keroh, hari ini.

Mohd Ali, yang juga Ketua Umno bahagian Batu Berendam, berkata bahagian itu akan mengadakan mesyuarat perwakilan 5 Mac ini.

Katanya, semua 71 cawangan Umno dalam bahagian Batu Berendam selesai mengadakan mesyuarat agung masing-masing.

Ketua Umno bahagian Kota Melaka, Datuk Amid Nordin, berkata bahagian itu akan hanya mencalonkan Dr Mahathir serta Abdullah sebagai Presiden serta Timbalan Presiden pada mesyuarat perwakilan 12 Mac ini.

Katanya, mesyuarat 45 cawangan dalam bahagian Kota Melaka berjalan lancar dengan cawangan terakhir bermesyuarat pada 26 Februari lalu.

Ketua Umno bahagian Alor Gajah, Datuk Abu Seman Yusop, berkata mesyuarat 61 cawangan dalam bahagian itu sudah pun dijalankan tanpa menghadapi masalah.

"Mesyuarat perwakilan Umno bahagian Alor Gajah pada 12 Mac ini, akan turut mencalonkan Dr Mahathir serta Abdullah sebagai Presiden serta Timbalan Presiden parti," katanya.

Ketua Umno bahagian Selandar, Datuk Hamdin Abdollah, berkata bahagian itu akur dengan keputusan MT dan akan hanya mencalonkan Dr Mahathir serta Abdullah.

Katanya, pencalonan Dr Mahathir serta Abdullah akan diputuskan dalam mesyuarat perwakilan Umno bahagian 12 Mac ini.

Setiausaha Umno bahagian Jasin, Datuk Dolah Atan, berkata mesyuarat bahagian itu pada 19 Mac ini, akan juga mencalonkan hanya Dr Mahathir serta Abdullah.

Beliau juga berkata, 57 daripada 59 cawangan Umno dalam bahagian itu sudah pun selesai mengadakan mesyuarat agung masing-masing.

"Mesyuarat cawangan Tedong Pekan pula ditangguhkan manakala cawangan Chinchin Hulu pula ada bantahan dari segi keahlian.

"Kedudukan kedua-dua cawangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa bahagian nanti," katanya.

(END)